

OUCH!

DALAM ISU INI...

- Rangkaian Tanpa Wayar Anda
- Peranti Anda

Melindungi Rangkaian Rumah Anda

Pengenalan

Beberapa tahun lalu rangkaian rumah secara keseluruhannya lebih mudah, selalunya tidak lebih dari titik capaian tanpa wayar dan satu atau dua komputer yang digunakan untuk melayari internet, pembelian dalam talian atau bermain permainan video. Walaubagaimanapun rangkaian rumah kini telah menjadi semakin rumit. Kita sekarang menyambungkan lebih banyak peranti kepada rangkaian ini dan menggunakan ia untuk lebih dari melayari internet atau menikmati lihat media. Dalam surat berita ini kami akan berkongsimeliputi bagaimana anda boleh membinacipta rangkaian rumah yang selamat untuk anda dan keluarga.

Editor Jemputan

Cheryl Conley mengetuai pasukan Pendidikan dan Kesedaran Keselamatan di Lockheed Martin, dengan menggunakan The I Campaign™ untuk menjangkau lebih 100,000 kakitanganpekerja. Ini termasuk kumpulan berfokuskan perkongsianikatan dan sokongan merentasi syarikat sebagai tambahan kepada program phishing secara global. Ikuti Cheryl Twitter di [@conleychera](https://twitter.com/conleychera).

Rangkaian Tanpa Wayar Anda

Hampir kesemua rangkaian rumah bermula dengan rangkaian tanpa wayar (sering kali dinamakan rangkaian Wi-Fi). Ini yang membolehkan anda membuat sambungan secara tanpa wayar kepada internet, dari komputer riba dan tablet kepada konsol permainan dan televisyen. Kebanyakan rangkaian rumah tanpa wayar di kawal oleh router internet anda, iaitu satu peranti yang dipasang oleh penyedia perkhidmatan internet anda bagi membolehkan anda membuat sambungan kepada internet. Walaubagaimanapun, dalam sesetengah situasi rangkaian tanpa wayar anda dikawal oleh sistem yang berlainan yang dipanggil titik capaian (access point) yang menyambungkan anda kepada router internet. Apa pun cara yang tidak kira rangkaian anda menggunakan yang mana satu, mereka menggunakan cara yang sama untuk menyiarkan signal tanpa wayar. Peranti yang berbeza di dalam rumah anda membuat sambungan kepada rangkaian tanpa wayar menggunakan isyarat ini. Dari situ, peranti ini kemudiannya boleh bersambung kepada internet dan juga kepada peranti lain di dalam rangkaian anda. Ini bermakna meningkatkan keselamatan rangkaian tanpa wayar anda adalah kunci bagi untuk melindungi rumah anda. Kami mencadangkan langkah-langkah berikut bagi untuk meningkatkan keselamatan rangkaian.

- Apapun yang mengawal rangkaian tanpa wayar anda, tukar kata laluan lalai pentadbir kepada router internet atau titik capaian tanpa wayar, yang mana mengawal rangkaian tanpa wayar anda. Akaun pentadbir yang membenarkan anda untuk menukar tetapan rangkaian tanpa wayar anda. Masalahnya ialah terdapat banyak router internet atau titik capaian di datangkan dengan log masuk dan kata laluan lalai yang diketahui umum dan sering kali di dedahkan di internet. Oleh itu, pastikan anda menukarnya kepada kata laluan pentadbir yang kukuh dan, kata laluan unik yang hanya anda ketahui.

Melindungi Rangkaian Rumah Anda

- Tukar nama lalai rangkaian tanpa wayar anda (kadang adakala dikenali sebagaipanggil SSID). Ini adalah nama yang peranti anda akan nampak apabila mereka mencari rangkaian tanpa wayar tempatan. Berikan nama rangkaian anda dengan sesuatu yang unik supaya dapat dikenali dengan mudah, tetapi pastikan ianya tidak mempunyai sebarang maklumat peribadi. Menukar tetapan rangkaian anda kepada tersembunyi (hidden atau non-broadcast) tidak memberikan impak yang besar kerana kebanyakan alat pengimbas tanpa wayar atau sebarang penyerang yang berkemahiran tinggi boleh menjumpai rangkaian tersembunyi dengan mudah
- Pastikan hanya orang yang anda percayai boleh bersambung dan menggunakan rangkaian tanpa wayar anda, dan sambungan tersebut di disulitkan. Lakukan ini dengan mengaktifkan langkah keselamatan yang tinggi. Pilihan terbaik sekarang ini adalah menggunakan mekanisme keselamatan yang dipanggil WPA2. Dengan mengaktifkannya, pengguna perlu memasukkan kata laluan untuk bersambung kepada rangkaian rumah anda, dan apabila bersambung aktiviti dalam talian mereka disulitkan. Pastikan anda tidak menggunakan kaedah keselamatan yang lebih lama dan ketinggalan zaman seperti WEP, atau tiada keselamatan terus, iaitu rangkaian terbuka. Rangkaian terbuka membenarkan sesiapa sahaja bersambung kepada rangkaian tanpa wayar anda tanpa sebarang pengesahan.
- Pastikan kata laluan yang orang gunakan untuk bersambung kepada rangkaian tanpa wayar anda kukuh dan berbeza dari kata laluan pentadbir. Sentiasa ingat anda mungkin hanya perlu memasukkan kata laluan hanya sekali untuk setiap peranti anda kerana ianya boleh menyimpan dan mengingat kata laluan tersebut.
- Terdapat banyak rangkaian tanpa wayar yang mempunyai sokongan untuk rangkaian yang dipanggil rangkaian tetamu (Guest Network). Ini membenarkan pelawat bersambung kepada internet, tetapi dapat melindungi rangkaian rumah anda kerana mereka tidak dapat bersambung kepada peranti lain di rangkaian rumah anda. Jika anda menambah rangkaian tetamu, pastikan anda menggunakan WPA2 dan juga kata laluan unik untuk rangkaian ini.
- Matikan Persediaan WiFi Dilindungi (WiFi Protected Setup atau WPS) atau sebarang mekanisme lain yang membenarkan peranti baru untuk bersambung kepada rangkaian tanpa mengetahui kata laluan dan tetapan.
- Jika anda mempunyai masalah mengingat kesemua kata laluan yang berbeza ini, kami mencadangkan anda menggunakan pengurus kata laluan untuk menyimpannya dengan selamat untuk anda.



Untuk melindungi rangkaian rumah anda; lindungi keselamatan rangkaian tanpa wayar anda dan kemas kini dan lindungi dengan menggunakan kata laluan pada semua peranti mudah alih dalam rangkaian anda.

Tidak pasti bagaimana untuk melakukan langkah-langkah ini? Tanya penyedia servis internet anda, semak dokumentasi yang datang dengan router internet anda atau titik capaian tanpa wayar, atau rujuk kepada laman sesawang mereka.

Melindungi Rangkaian Rumah Anda

Peranti Anda

Langkah seterusnya adalah mengetahui apa yang berhubung dengan rangkaian anda dan memastikan semua peranti tersebut adalah selamat. Ini dahulunya mudah semasa hanya beberapa peranti yang bersambung. Walaubagaimanapun dalam dunia “sentiasa berhubung” sekarang ini hampir semua peranti boleh bersambung kepada rangkaian rumah anda, termasuk TV, konsol permainan, pemantau bayi, pembesar suara, termostat anda atau mungkin juga kereta anda. Satu cara mudah untuk menemui apa yang berada dalam rangkaian rumah anda adalah dengan menggunakan pengimbas seperti Fing. Aplikasi ini boleh dipasang pada komputer atau peranti mudah alih, mengimbas rangkaian tanpa wayar anda dan melaporkan setiap peranti yang bersambung dengannya. Selepas anda mengenal pasti semua peranti pada rangkaian anda, anda perlu memastikan setiap peranti tersebut adalah selamat. Cara terbaik untuk ini adalah dengan memastikan ianya menggunakan versi perisian sistem yang terkini. Seboleh-bolehnya, aktifkan kemas kini automatik pada peranti anda. Jika ada peranti anda yang memerlukan kata laluan, sentiasa gunakan kata laluan yang unik dan kukuh. Akhir sekali, sentiasa lawat laman sesawang penyedia perkhidmatan internet anda, kerana mereka mungkin menyediakan alat percuma untuk membantu meningkatkan keselamatan rangkaian rumah anda.

Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snsc.skmm.gov.my/>.

Sumber

Frasa Laluan:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2015#april2015
Pengurus Kata Laluan:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2015#october2015
Melindungi Tablet Baru Anda:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2016#january2016
Pemetaan Rangkaian Rumah Anda:	http://l.rud.is/home-network-mapping

OUCH! diterbitkan oleh program SANS “Securing The Human” dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie

